

16/02/2004

PM hadir majlis persandingan Malik

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menghadiri majlis persandingan perenang maraton negara, Datuk Abdul Malik Maidin dan pasangannya, Datin Rahayu Ahmad di Dewan Serbaguna Presint 8, di sini, malam tadi.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak serta bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Abdul Malik dan Rahayu yang mengenakan persalinan busana Melayu berwarna kuning air, masuk ke dewan dengan diiringi pukulan kompang, kira-kira jam 9.10 malam.

Abdullah kemudian mengetuai istiadat menepung tawar, diikuti Najib, Dr Mahathir, Dr Siti Hasmah serta kedua ibu bapa pasangan iaitu Maidin Hussain, 82, dan isterinya, Jorabi Seeni Mohamed, 65, serta Ahmad Abdul Rahman, 61, dan isterinya, Normah Ahmad, 57.

Pasangan artis popular, Ogy dan Imuda mengacara majlis itu yang turut diserikan dengan persembahan kumpulan nasyid, Rabbani.

Abdul Malik dan Rahayu diijabkabulkan pada 20 Disember lalu di rumah Rahayu di Taman Seluang, Kulim.

Kedua-duanya mula berkenalan lima tahun lalu dan hubungan mereka bertambah rapat apabila bekas pelumba basikal kebangsaan itu memulakan misinya untuk menjadi rakyat Malaysia pertama berenang merentasi Selat Inggeris.